

**Usahawan Wanita Perlu Teroka Bidang Perniagaan Baru - Rosmah  
Bernama  
09 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Usahawan wanita perlu melihat melangkaui bidang mereka pada masa ini dengan meneroka bidang perniagaan baru, kata isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Beliau berkata ini termasuk bidang dan kawasan baru dengan potensi pertumbuhan yang besar yang dikenal pasti dalam 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam Program Transformasi Ekonomi seperti minyak, gas dan tenaga, khidmat kewangan, pelancongan khidmat niaga, elektronik dan elektrik, borong dan runcit, kandungan komunikasi dan infrastruktur, pertanian dan Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang.

Katanya bagi membolehkan usahawan wanita memajukan perniagaan mereka dan kekal bersaing, mereka juga perlu segera menerapkan penggunaan teknologi moden bagi mentransformasi proses pengeluaran mereka untuk memenuhi permintaan pasaran.

"Inovasi, terutamanya inovasi teknologi, diiktiraf sebagai faktor penting bagi membangunkan perniagaan kecil.

"Untuk membuat pembaharuan, wanita perlu meningkatkan pengetahuan dan kemampuan, dalam usaha mentransformasikan idea menjadi produk dan khidmat yang boleh dipasarkan yang menghasilkan nilai perniagaan baru," katanya semasa merasmikan Konvensyen Pelan Transformasi Ekonomi Negara dan Usahawan Wanita Cina di sini, Jumaat.

Rosmah berkata ini adalah perlu kerana trend masa kini dan persekitaran perniagaan yang dinamik memerlukan sesebuah pertubuhan untuk cepat menghidu perubahan pasaran, mengesan permintaan masa depan dan membuat pembaharuan bagi memenuhi keperluan ini dengan cara baru dan lebih kreatif.

Sambil menekankan kepentingan pendidikan bagi memperkasa wanita, Rosmah berkata wanita perlu digalakkan memilih pengajian dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi.

"Mereka perlu menajamkan kemahiran dan meningkatkan pengetahuan dalam bidang akademik dan pembangunan kemahiran agar relevan dengan era globalisasi dan digital selain memasuki bidang kerja yang baru," katanya.

Dalam perkembangan lain, Rosmah berkata kerajaan menyediakan dana bagi pelbagai perniagaan yang diwujudkan oleh usahawan wanita kerana dipercayai "melabur bagi wanita merupakan ekonomi pintar".

Sebagai contoh, katanya, sejumlah 38,672 usahawan wanita telah menerima pinjaman mikro kredit berjumlah RM113.6 juta antara 2006 hingga 2009 di bawah Dana Ekonomi Usahawan daripada Tekun Nasional.

Pada 2010, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

memulakan satu dana bagi memajukan ahli perniagaan wanita yang boleh menjana ekonomi negara, katanya.

Katanya peruntukan RM50 juta disediakan bagi Program Francais Wanita bagi mengalakkan semangat keusahawanan melalui sistem francais.

Sementara itu, ketika bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Rosmah berkata Ekspo Permata julung kali yang bermula esok hingga Isnin depan, akan menyediakan platform kepada orang ramai untuk mengenali dengan lebih dekat dan mengetahui bagaimana anak-anak mereka boleh menyertai komuniti Permata.

Katanya, kesemua lima cabang Permata iaitu Pusat Anak Permata Negara, Permata Pintar, Permata Seni, Permata Insan dan Perkasa Remaja akan mengadakan gerai-gerai mereka pada ekspo tersebut.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633132>